

SMECTAGO® ORAL SUSPENSION IN SACHET

Diocetahedral Smectite 3g

Maklumat yang ada dalam risalah ini:

- Apa kegunaan SMECTAGO®
- Bagaimana SMECTAGO® berfungsi
- Sebelum anda mengambil SMECTAGO®
- Cara mengambil SMECTAGO®
- Semasa anda mengambil SMECTAGO®
- Kesan sampingan
- Penyimpanan dan Pelupusan SMECTAGO®
- Deskripsi produk
- Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
- Tarikh Semakan

Apa kegunaan SMECTAGO®

- Rawatan bagi cirit-birit akut di kalangan orang dewasa dan kanak-kanak berumur 2 tahun keatas selain daripada rawatan untuk rehidrasi oral.
- Rawatan simptomatik bagi cirit-birit kronik.
- Rawatan simptomatik bagi sakit yang berkaitan penyakit fungsi usus di kalangan orang dewasa.

Bagaimana SMECTAGO® berfungsi

Bahan aktif yang terkandung dalam SMECTAGO® adalah diocetahedral smectite yang tergolong dalam kumpulan pelindung gastro usus anti cirit birit,.

Aktiviti pelindung gastro usus anti cirit birit terhasil daripada ciri salutan yang amat kuat pada mukosa gastro usus.

Akibat saling tindak dengan glikoprotein mukus, SMECTAGO® meningkatkan pertahanan gel mukosa yang bertindak balas dengan agen agresif. SMECTAGO® tidak diserap mahupun dimetabolismekan.

Sebelum anda mengambil SMECTAGO®

Bila anda tidak boleh mengambilnya

- Jika anda menghidap penyakit tidak boleh mengambil fruktosa,
- Jika anda menghidap sindrom malserapan glukosa dan galaktosa atau kekurangan sukrosa/ somaltase
- Pengambilan SMECTAGO®. harus dielakkan pada bayi dan kanak-kanak berumur 2 tahun kebawah.

- Pengambilan kronik harus dielakkan.
- SMECTAGO® tidak harus digunakan semasa hamil atau menyusu.

Sebelum anda mula mengambilnya

- Sila hubungi doktor anda sebelum menggunakan SMECTAGO®.

Pengambilan ubat lain

Anda disarankan supaya tidak mengambil sebarang ubat lain pada masa yang sama. Sila maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat preskripsi atau bukan preskripsi.

Cara mengambil SMECTAGO®

Berapa banyak untuk diambil

Rawatan Cirit-birit Akut

Kanak-kanak berumur 2 tahun ke atas: 4 uncang sehari selama 3 hari, dan 2 uncang sehari selama 4 hari.

Orang dewasa:

3 uncang sehari selama 7 hari, Secara praktis dos harian boleh didua kali gandakan pada permulaan rawatan.

Indikasi/Petunjuk Lain:

Orang dewasa:

Purata 3 uncang sehari.

SMECTAGO® adalah siapan untuk diambil secara terus daripada uncang.

Urut uncang sebelum buka. Setiap uncang harus digunakan sekali sahaja selepas dibuka.

Bila anda boleh mengambilnya

SMECTAGO® hendaklah diambil pada waktu siang dan di antara waktu makan.

Berapa lama untuk mengambilnya

Jika simptom tidak berkurangan dalam masa 7 hari, anda hendaklah berjumpa doktor anda.

Jika anda terlupa mengambilnya

Tiada maklumat

Jika anda mengambil terlalu banyak (terlebih dos)

Simptom akibat terlebih dos yang telah dilaporkan termasuk sembelit, muntah-muntah dan bezoar (bahan tidak terhadap). Simptom biasanya ringan dan ada tahap sembuh yang baik sekiranya dos dikurangkan atau dihentikan.

Semasa anda mengambil SMECTAGO®

Perkara yang anda perlu lakukan

SMECTAGO® harus diambil dengan berhati hati jika anda mempunyai sejarah mengalami cirit birit kronik.

Pada kanak kanak berumur 2 tahun ke atas, cirit birit akut harus dirawat selaras dengan pengambilan awal rehidrasi oral. Rehidrasi dengan minum banyak cecair masin atau manis untuk menggantikan cecair yang hilang semasa cirit birit (purata pengambilan cecair pada orang dewasa ialah 2 liter sehari). Teruskan pengambilan makanan semasa mengalami cirit birit kecuali sayur dan makanan mentah., sayur hijau, makanan pedas , makanan atau minuman sejuk beku atau mengambil makanan daging panggang dan nasi.

Perkara yang anda tidak boleh lakukan

Tidak mengambil sebarang ubat lain pada masa yang sama.

Perkara untuk diambil perhatian

Sekiranya terlebih dos, rawatan harus dikurangkan atau dihentikan terutama jika muntah. Pengurusan harus simptomatik dan menyokong, Sekiranya kesan berlarutan, sila hubungi doktor.

Kesan sampingan

Kesan sampingan yang dilaporkan adalah sembelit. Tiada kajian dijalankan pada kebolehan memandu dan mengendalikan mesin pada produk ini. Ia adalah dianggap tiada kesan sampingan.

Jika anda mendapati sebarang kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web nppra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Penyimpanan dan Pelupusan

SMECTAGO®

Simpan di tempat yang kering, di bawah suhu 30° C.

Seperti ubat lain, simpan SMECTAGO® ditempat jauh dari kanak-kanak. Jangan gunakan SMECTAGO® selepas tarikh luput seperti yang dicetak pada karton atau uncang.

Deskripsi produk

Bagaimana rupanya?

SMECTAGO® adalah cecair homegen yang berwarna 'beige' ataupun 'beige' muda dengan wangi karamel koko.

SMECTAGO® dibungkus dalam uncang.

1 kotak mengandungi 12 uncang.

Ramuan

Bahan aktif: 3g Dioctahedral Smectite

Eksipien: Perasa karamel koko

(mengandungi alkohol 0.13% w/w.), asid

hidroklorik, xanthan gum, potassium

sorbate, sodium benzoate (sebagai bahan

awet 0.15% w/w), sucralose dan air tulen.

MAL No.

MAL24096076X

Pengilang

Mayoly Industrie

20 Rue Ethe Virton

28100 Dreux, France.

Pemegang Pendaftaran Produk

Zuellig Pharma Sdn. Bhd.

No. 15, Persiaran Pasak Bumi,

Seksyen U8, Perindustrian Bukit

Jelutong, 40150 Shah Alam,

Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh semakan

23/09/2025

No Siri

NPRA(R2/1)251023/01563